

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2024, VOL 7, Bil 1, Halaman 38-50

ANALISIS KALIMAH-KALIMAH *MUTARĀDIF* DALAM SURAH AL-BAQARAH

Mutarādif Words Analysis In Surah Al-Baqarah

Sofea Thanaa' Saibon¹ & Rohana Zakaria²

¹ Pelajar Ijazah Sarjana Pengajian Al-Quran, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Bandar Seri Putra, Kajang

² Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Bandar Seri Putra, Kajang

* Corresponding Author: Sofea Thanaa' Saibon, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang Selangor, sofeathanaa@gmail.com, 011-65351500, ORCID ID 0009-0005-5713-7539

Artikel dihantar: 18 April 2024

Artikel diterima: 6 Jun 2024

Artikel diterbit: 29 Jun 2024

ABSTRACT

One of the intriguing and significant research issues that needs more investigation is the concept of mutarādif, which is centered around a number of phrases in the Qur'an that have similar meanings. Regarding the existence of mutarādif on the words found in the Qur'anic verses, experts disagree. Consequently, the purpose of this study is to identify the mutarādif terms and thereafter conduct a more in-depth analysis of their meaning. The textual materials employed are passages from Surah Al-Baqarah, specifically from Juz 1, 2, and a part of Juz 3. The purpose of this study is to provide a more detailed interpretation for each mutarādif term. The study's methodology combines a qualitative approach with library research and literacy highlights from Google Scholar. To further delve into the specifics of each mutarādif term, this study also makes reference to literature of interpretation. The study's conclusions showed that no two mutarādif words could be completely equaled despite having comparable meanings since each word has a unique meaning that is determined by how well the verses of the Qur'an fit together. Consequently, it is crucial to complete this research in order to decipher and comprehend the meaning of the mutarādif terms that are mentioned in the Qur'an.

Keywords

Meaning; Mutarādif; al-Quran; al-Baqarah

ABSTRAK

*Mutarādif dalam al-Quran berkisarkan tentang beberapa kalimah yang mempunyai kesamaan dari sudut maknanya dan ia merupakan salah satu topik kajian yang menarik dan penting untuk dikaji dengan lebih lanjut. Walau bagaimanapun, para ulama' berselisih pandangan tentang keberadaan *mutarādif* pada kalimah-kalimah yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran. Justeru, kajian ini mengenalpasti kalimah-kalimah *mutarādif* seterusnya menganalisis dari sudut maknanya dengan lebih terperinci. Data-data yang digunakan adalah ayat-ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah yang merangkumi juz satu, juz dua dan sebahagian juz tiga. Kajian ini bertujuan untuk mengenal*



pasti makna setiap kalimah *mutarādif* dengan lebih terperinci. Metode yang digunakan pada kajian ini merupakan penelitian kepustakaan (*library research*) serta sorotan literasi bersumberkan *Google Scholar* dengan pendekatan bersifat kualitatif. Kajian ini juga turut merujuk kitab-kitab tafsir untuk mendalami secara terperinci huraian setiap kalimah *mutarādif* tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa setiap kalimah *mutarādif* yang mempunyai persamaan dari sudut makna tidak dapat disamakan sepenuhnya kerana setiap kalimah tersebut mempunyai makna yang khusus berdasarkan pada kesesuaian ayat al-Quran. Oleh yang demikian, kajian ini penting untuk dijalankan agar dapat merungkai dan memahami dengan lebih jelas makna kalimah-kalimah *mutarādif* yang terdapat dalam al-Quran.

Katakunci

Makna; *Mutarādif*; al-Quran; al-Baqarah

How to Cite: Saibon, S., & Zakaria, R. (2024). ANALISIS KALIMAH-KALIMAH MUTARĀDIF DALAM SURAH AL-BAQARAH. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(1), 38–50.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i1.75>

1.0 PENDAHULUAN

Kitab suci al-Quran merupakan sebuah mukjizat agung yang diturunkan kepada junjungan besar nabi Muhammad SAW. Padanya terkandung pelbagai aspek kehidupan seperti perihal keagamaan, pengurusan harta, hal-hal politik, pentadbiran, ekonomi, kekeluargaan, kemasyarakatan, perubatan dan sebagainya. Ia merupakan sebuah bentuk panduan dan bimbingan kehidupan yang lengkap dalam menjamin kebahagiaan kehidupan di dunia dan juga di akhirat.

Kemukjizatan al-Quran merupakan sebuah kemukjizatan yang bersifat kekal sehingga hari kiamat. Antara aspek kemukjizatan al-Quran yang dapat dilihat adalah dari aspek bahasanya yang indah dan unik (Muhammad Syarif, 2021). Ia diturunkan dalam bahasa Arab yang mana ia merupakan satu bahasa yang kaya dengan keunikan sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Allah SWT juga menyebutkan dalam firmanNya pada surah Yusuf:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.” (Surah Yusuf: 2)

Berdasarkan ayat di atas, Abdullah bin Muhammad (2004) menjelaskan bahawa al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab kerana bahasa Arab merupakan bahasa yang paling fasih, jelas, luas dan tepat untuk menyampaikan sesuatu makna ke dalam jiwa.

Antara aspek bahasa yang terdapat dalam al-Quran adalah berkaitan kalimah *mutarādif*, iaitu kalimah-kalimah yang berbeza dari sudut lafaz, namun ia memiliki makna yang sama pada terjemahan al-Quran. Alamuddin Syah (2017) menjelaskan dalam kajiannya bahawa setiap kalimah yang diungkapkan dalam al-Quran mempunyai maksudnya yang tersendiri. Demikian juga satu kalimah yang mempunyai maksud yang sama terkadang kalimah tersebut diungkapkan dalam bentuk pilihan perkataan yang bervariasi. Hal ini demikian kerana dalam al-Quran tidak ada kalimah yang memiliki erti yang sama.

Antara kalimah yang dapat dijadikan contoh dalam perbincangan ini adalah seperti kalimah الغيث dan المطر (hujan), الإنسان dan البشر (manusia), الإثم dan الذنب (dosa), الفعل dan العمل (perbuatan). Kalimah-kalimah tersebut merupakan kalimah yang berbeza pada sebutan dan lafaz namun ia mempunyai persamaan dari sudut penterjemahan.

Justeru, kalimah-kalimah sebegini semestinya menimbulkan persoalan terhadap setiap individu yang meneliti setiap ayat-ayat suci al-Quran. Oleh yang demikian, pengkaji tertarik untuk menjalankan kajian berkaitan kalimah *mutarādif*



dengan menumpukan pada surah al-Baqarah memandangkan topik ini masih memerlukan kepada penelitian. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ahmad Fawaid (2015) bahawa dari banyaknya perbincangan ilmu-ilmu al-Quran, tidak ramai para pengkaji al-Quran yang menumpukan penelitiannya terhadap persoalan kalimah *mutarādif* dalam al-Quran sedangkan ianya merupakan sebuah fenomena yang wujud dalam bahasa Arab serta berkemungkinan terdapat pada semua bahasa yang wujud di bumi ini.

2.0 DEFINISI MUTARĀDIF

Perkataan *mutarādif* berasal dari kata akar *ra'-dal-fa'* (ر-د-ف) dan *masdarnya al-ridf* (الردف). Manakala perkataan *mutarādif* pula merupakan *isim Fa'il* (il musyarakah) dari kata (ترادف-يترادف-ترادفا) yang bermaksud saling mengikuti (التتابع) atau sesuatu yang mengikuti sesuatu yang lain (Manzur, 1993).

Dalam pada itu, menurut Al-Jurjani (2009) *tarāduf* merupakan setiap perkataan yang memiliki satu makna dan memiliki beberapa nama. Manakala menurut Al-Asmar (1993) menyatakan bahawa *mutarādif* merupakan perbezaan kalimah dengan satu pengertian sebagaimana contoh kalimah المسكن والمنزل والأسد والليث. Perkataan-perkataan tersebut masing-masing membawa kepada satu pengertian.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, pengkaji merumuskan bahawa *mutarādif* berkisarkan tentang beberapa kalimah dalam al-Quran yang mempunyai perbezaan dari sudut lafaz namun ia mempunyai kesatuan dari sudut makna.

3.0 PANDANGAN PARA ULAMA'

Mutarādif dalam al-Quran merupakan sebuah topik yang mempunyai perbezaan pandangan dalam kalangan para ulama'. Sebagaimana yang disebutkan oleh Adriani (2019) para ulama' berselisih pendapat tentang kewujudan kalimah *mutarādif* dalam al-Quran. Terdapat sebahagian ulama' yang bersetuju manakala sebahagian yang lain tidak bersetuju tentang adanya *mutarādif* dalam al-Quran serta di antara mereka juga ada yang mengambil langkah berhati-hati dalam memahami setiap kalimah *mutarādif*.

Antara para ulama' yang mendukung adanya kalimah *mutarādif* dalam al-Quran adalah seperti Abu Bakr Al-Husaini (1991) yang berpendapat bahawa dalam al-Quran terkandung kalimah *mutarādif* dan antara tujuan *mutarādif* adalah untuk menjelaskan kalimah yang berbeza melalui penggunaan kalimah *mutarādif*. Seterusnya menurut Ali Abdul Wahid Wafi (1945), al-Quran mengandungi banyak kalimah *mutarādif* sepertimana yang terdapat pada ungkapan sastera Arab. Manakala menurut Anis (1965), beliau menyatakan bahawa dalam al-Quran terdapat begitu banyak kalimah *mutarādif*, justeru terdapat para mufassir yang berusaha dalam memberikan maksud tertentu bagi setiap kalimah tersebut.

Adapun para ulama' yang tidak mendukung keberadaan kalimah *mutarādif* dalam al-Quran adalah seperti Al-Qattan (2000) yang menyatakan hakikat sesebuah kalimah yang dianggap sebagai *mutarādif* sebenarnya ia bukanlah sinonim sebagaimana contoh pada kalimah *al-khasyyah* yang menunjukkan maknanya lebih dalam berbanding kalimah *al-khauf*. Seterusnya menurut pendapat Al-Asfahani (1961), beliau menyatakan alasan menolak *mutarādif* kerana setiap kalimah yang berbeza membawa kepada erti yang berbeza serta pengungkapan yang berbeza pada setiap kalimah *mutarādif*. Al-Akk (1994) pula berpendapat bahawa dalam al-Quran tidak terdapat lafaz-lafaz *mutarādif* melainkan setiap lafaz tersebut mempunyai spesifikasi maknanya yang tersendiri dan ia hanya dapat diketahui oleh ahli bahasa Arab.

4.0 KALIMAH MUTARĀDIF DALAM SURAH AL-BAQARAH

Perbincangan berkaitan kalimah *mutarādif* dalam al-Quran ini terlalu banyak. Maka di sini penulis hanya membincangkan dan menganalisis kalimah-kalimah *mutarādif* ini fokus dalam surah al-Baqarah sahaja.



4.1 Kalimah **تم** Dan **كاملة** Dengan Makna Kesempurnaan

Kalimah **تم** menurut Ibrahim Madkur (1994) bermaksud sempurna secara berterusan. Al-Asfahani (2017) menyatakan kalimah **تم** bermakna kesempurnaan manakala **تمام الشيء** (kesempurnaan sesuatu) bermaksud sesuatu yang mencapai batasan kesempurnaannya dan tidak lagi memerlukan kepada sesuatu yang lain.

Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 124:

وَإِذْ أَبْتَأَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۗ

Maksudnya: “Dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya.” (Surah Al-Baqarah: 124)

Merujuk kepada pengarang kitab al-Tafsir al-Munir, Wahbah al-Zuhaili (1991) *mufradat lughawiyah* bagi kalimah **فَأَتَمَّهُنَّ** ialah ia (Nabi Ibrahim) melaksanakannya dengan sempurna. Pada ayat ini Allah SWT menguji Nabi Ibrahim dengan memperlakukannya sebagaimana orang yang sedang diuji agar manusia dapat melihat keadaannya. Kemudian ayat ini menyebutkan bahawa Nabi Ibrahim melaksanakannya dengan sempurna. Kalimah **فَأَتَمَّهُنَّ** yang digunakan menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim menyempurnakan perintah yang diberikan oleh Allah SWT.

Manakala kitab Tafsir Jalalain karya Imam Jalaluddin Al-Suyuti (2008) menyatakan kalimah **فَأَتَمَّهُنَّ** merujuk kepada perbuatan Nabi Ibrahim mengerjakan perintah yang diberikan oleh Allah SWT dengan sempurna. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa perintah tersebut adalah berkaitan manasik dan upacara haji. Ada juga yang berpandangan ia berkaitan perbuatan berkumur, memasukkan air ke dalam hidung, menggosok gigi, memotong kumis, memotong kuku, membelah rambut, mencabut bulu ketiak, mencukur bulu kemaluan, berkhitan dan beristinja’.

Seterusnya menurut kitab Fi Zilal Al-Quran karya Sayyid Qutb (1992) kalimah **فَأَتَمَّهُنَّ** digunakan untuk menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim telah melaksanakan perintah-perintah dan taklif yang diberikan oleh Allah SWT dengan sempurna. Justeru ini merupakan satu maqam tinggi yang telah dicapai oleh Nabi Ibrahim kerana telah berjaya menyempurnakan tugas-tugas yang diberikan oleh Allah SWT.

Berdasarkan huraian di atas, pengkaji merumuskan bahawa kalimah **تم** digunakan terhadap sesuatu yang mempunyai kekurangan pada asalnya kemudian ia disempurnakan. Sebagaimana ayat di atas, Allah SWT memberikan perintah kepada Nabi Ibrahim kemudian perintah tersebut dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim dengan sebaiknya sehingga ia telah membentuk sebuah kesempurnaan terhadap perintah-perintah yang diberikan oleh Allah SWT.

Justeru, ini bertepatan dengan pandangan Shihab (2007) yang menjelaskan **تمام الشيء** (kesempurnaan sesuatu) ialah apabila satu bahagian bergabung dengan bahagian-bahagian lain yang sedia ada maka ia akan menghasilkan satu bentuk yang sepatutnya seperti yang diinginkan.



Seterusnya menurut Ibrahim Madkur (1994) kalimah **كامل** bermaksud **كَمُولَا** - **كَمِلَ الشَّيْءُ** iaitu صفاته أو أجزاءه أو تمت أجزاءه أو صفاته **كَمِلَ الشَّيْءُ** bererti menyempurnakan sesuatu bahagian atau sifat. Sebagaimana contoh; **كَمِلَ الشَّهْرُ** sempurna sebulan bermaksud **تَمَّ دَوْرُهُ** sempurna pusingan bulan tersebut.

Sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ وَلَا تَخْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّى يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامٌ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةً إِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ذَلِكَ لِمَنْ لَّمْ يَكُنْ أَهْلَهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: “Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah; maka sekiranya kamu dikepong (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berihram, maka kamu bolehlah bertahallul serta) sembelihlah Dam yang mudah didapati; dan janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya. Maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya), hendaklah ia membayar fidyah. Iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau menyembelih Dam. Kemudian apabila kamu berada kembali dalam keadaan aman, maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan Umrah, (dan terus menikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) ibadat Haji, (bolehlah ia melakukannya kemudian wajiblah ia) menyembelih Dam yang mudah didapati. Kalau ia tidak dapat (mengadakan Dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan Haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing); semuanya itu sepuluh (hari) cukup sempurna. Hukum ini ialah bagi orang yang tidak tinggal menetap (di sekitar) masjid Al-Haram (Makkah). Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan ketahuilah bahawasanya Allah Maha berat balasan seksaNya (terhadap orang-orang yang melanggar perintahNya).” (Surah al-Baqarah: 196)

Ayat ini menjelaskan berkaitan hukum haji dan umrah bagi sesiapa yang ingin mengerjakan haji tamattu'. Mereka hendaklah membayar dam dengan menyembelih haiwan korban. Sekiranya mereka tidak mampu untuk menyembelih haiwan korban, maka hendaklah mereka berpuasa sepuluh hari.

Wahbah al-Zuhaili (1991) menjelaskan penggunaan kalimah **كاملة** pada ayat ini merujuk kepada puasa selama tiga hari selepas ihram haji iaitu sebelum enam Zulhijjah seterusnya dilanjutkan lagi baki tujuh hari setelah pulang ke kampung atau ketika dalam perjalanan pulang. Maka tiga hari dan tujuh hari yang berikutnya menjadikan puasa genap sepuluh hari yang sempurna. Kalimah **كاملة** digunakan untuk menguatkan bilangan sepuluh tersebut.

Manakala Abdullah bin Muhammad (2004) menyatakan bahawa ada yang berpandangan kalimah **كاملة** pada ayat **تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ** yang bermaksud “sepuluh (hari) cukup sempurna” merujuk kepada suatu penekanan seperti mana orang Arab yang mengatakan “Aku melihat dengan mataku sendiri”. Dalam pada itu, Ibnu Jarir berpandangan bahawa kalimah **كاملة** merupakan satu bentuk perintah untuk menyempurnakannya.



Selain itu, Sayyid Qutb (1992) menyebutkan puasa yang aul adalah dengan berpuasa tiga hari sebelum wuquf di ‘Arafah iaitu pada hari kesembilan Zulhijjah manakala baki tujuh hari selepas kembali ke negeri. Kalimah **تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ** disebutkan sebagai penekanan terhadap penjelasan berkaitan perintah berpuasa sepuluh hari sempurna.

Oleh yang demikian, pengkaji menyimpulkan bahawa penggunaan kalimah **كاملة** adalah untuk menyempurnakan kekurangan bahagian atau sifat yang mendatang. Sebagaimana ayat di atas, ia merupakan sebuah perintah bagi sesiapa yang ingin mengerjakan haji tamattu’, maka perintah berpuasa sempurna sepuluh hari itu merupakan satu bahagian daripada syarat-syarat pelaksanaan haji tamattu’. Apabila seseorang itu berpuasa sempurna sepuluh hari, maka bahagian daripada haji tamattu’ iaitu berpuasa sempurna sepuluh hari telah lengkap.

Sebagaimana menurut Shihab (2007) kalimah **كامل** bermakna keberadaan sesuatu keadaan, sifat atau hal yang memberikan hasil terhadap keadaan sebelumnya yang telah sempurna. Justeru, hasil tersebut tidak akan lengkap dan sempurna sekiranya tidak mencapai tahap **كامل**.

4.2 Kalimah **يأتي** Dan **جاء** Dengan Makna Datang

Kalimah **يأتي** berasal daripada kalimah **أتى**. Menurut Ibrahim Madkur (1994) **أتى** bererti **جاء** iaitu datang. Datang dengan dekat dan juga hampir atau mendatangkan ia kepadanya.

Berikut merupakan ayat berkisarkan perintah Allah SWT terhadap orang-orang beriman agar menginfakkan sebahagian harta yang dimiliki sebelum datangnya hari kiamat:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمْ يَوْمٌ لَّا بَيْعُ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفِيعَةٌ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Infakkan sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepada kamu, sebelum tiba hari (kiamat) yang tidak ada jual-beli padanya, dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan syafaat.”

(Surah al-Baqarah: 254)

Menurut Wahbah al-Zuhaili (1991) Allah SWT menyeru orang-orang yang beriman agar mereka menginfakkan sebahagian harta yang mereka miliki pada jalan Allah. Seterusnya perintah ini dikukuhkan dengan disusuli penjelasan tentang akan datangnya hari kiamat. Kalimah **يأتي** digunakan pada ayat yang menyebutkan datangnya hari kiamat di mana ia merupakan sesuatu yang dekat serta hampir dan pastinya ia akan datang. Justeru, sifat datangnya hari pembalasan tersebut merupakan suatu perkara yang mudah untuk berlaku.

Manakala menurut Sayyid Qutb (1992) ayat ini menyatakan tentang kewajipan ke atas orang-orang beriman untuk berinfaq ke atas harta yang dimiliki sebelum datangnya hari kiamat yang tiada jual beli (tebusan), persahabatan dan syafaat padanya. Penggunaan kalimah **يأتي** adalah untuk menunjukkan bahawa hari pembalasan itu merupakan suatu perkara yang hampir dan datangnya ia dengan jalan yang mudah.



Oleh yang demikian, pengkaji menyimpulkan bahawa kalimah **يَأْتِي** digunakan untuk menunjukkan suatu perkara itu adalah dekat dan datangnya dengan cara yang mudah sebagaimana hari kiamat. Hari kiamat merupakan suatu perkara yang hampir tanpa diketahui bila ianya akan berlaku. Hanya dengan kehendak Allah SWT, ianya merupakan suatu perkara yang amat mudah untuk berlaku. Perkara yang bersifat didatangkan merupakan suatu perkara yang mudah dan ringan.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Asfahani (2017) kalimah **أَتَى** dan **الْإِتْيَان** bererti datang. Datang yang dimaksudkan adalah datang dengan mudah sama ada kedatangan tersebut adalah secara fizikal atau kedatangan yang bersamanya terdapat pengaturan dan perintah. Ia juga bermaksud kedatangan kebaikan dan keburukan sama ada secara nyata atau sebaliknya.

Seterusnya maksud kalimah **جَاءَ** ialah datang ia dengannya atau bersamanya (Ibrahim Madkur, 1994).

Berikut merupakan ayat yang membicarakan berkaitan kaum yahudi yang keras hati dan hidup bertuhankan hawa nafsu. Kemudian mereka diberi peringatan berulang kali dengan diutuskan para rasul satu demi satu. Namun demikian, mereka tetap melupakan peringatan yang diberikan dengan menuruti hawa nafsu mereka dan tetap menderhakai para rasul.

أَفَلَمْ نَجَاءَكُم بِمَا لَا تَهْوَىٰ أَنفُسُكُمْ أَسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِقْنَا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ

Maksudnya: “Maka patutkah, tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolaknya), sehingga sebahagian dari Rasul-Rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?”
(Surah al-Baqarah: 87)

Berdasarkan ayat di atas, Wahbah al-Zuhaili (1991) menjelaskan bahawa ayat ini menyebutkan Allah SWT telah mengutuskan nabi Musa bersama kitab Taurat, kemudian diiringi dengan para Rasul yang lain serta Allah memberikan kepada Nabi Isa beberapa mukjizat. Setiap para Rasul ini datang dengan membawa ajaran-ajaran, mukjizat serta syariat-syariat sebagai peringatan kepada kaum yahudi. Ayat ini menggunakan kalimah **جَاءَكُم** untuk menunjukkan bahawa para nabi datang dengan membawa sesuatu bersama mereka. Perkara yang datang bersama-sama merupakan suatu perkara yang sukar.

Dalam pada itu, Sayyid Qutb (1992) menjelaskan ayat ini mendedahkan hakikat pendirian orang Yahudi terhadap nabi mereka iaitu mereka kekal tidak tunduk terhadap kehendak hawa nafsu. Percubaan orang yahudi untuk menundukkan para pembawa hidayah agar mengikut kehendak nafsu mereka merupakan suatu perkara yang menunjukkan kepada rosaknya fitrah manusia. Kitab ini menyebutkan para nabi itu merupakan pembawa hidayah kerana mereka datang dengan membawa ajaran, syariat serta hidayah bersama mereka.

Justeru, berdasarkan penelitian pengkaji, kalimah **جَاءَ** digunakan apabila datangnya ia bersama-sama dengan sesuatu yang mana ia merupakan suatu keadaan yang sukar. Sebagaimana ayat di atas, datangnya para rasul dengan membawa ajaran dan syariat Allah SWT. Dr Fadhil al-Samura'iy menyatakan bahawa penggunaan kalimah **جَاءَ** adalah terhadap perkara yang sukar berbanding **أَتَى** adalah terhadap perkara-perkara yang mudah.



4.3 Kalimah **الميثاق** Dan **عهد** Dengan Makna Perjanjian

Kalimah **الميثاق** ertinya perjanjian. **وثق** ialah **قويا** yang bermaksud kuat dan teguh. Ia juga bererti mengikat ia padanya serta mengukuhkan perjanjian (Ibrahim Madkur, 1994). Seterusnya menurut Al-Asfahani (2017) kalimah **الميثاق** bermaksud sebuah ikatan yang dikukuhkan dan dikuatkan dengan janji dan sumpah.

Ayat dibawah membicarakan perihal seruan Allah terhadap bani Israel agar mengingati perjanjian dengan Allah SWT untuk mengamalkan kitab Taurat. Allah SWT mengangkat gunung Tursina untuk menakutkan mereka kerana keengganan mereka. Mereka menerima janji tersebut buat sementara waktu setelah itu mereka kembali berpaling daripada ketaatan. Firman Allah SWT:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمْ الطُّورَ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَأَذْكُرُوا مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: “Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil perjanjian setia kamu semasa Kami angkat Gunung Tursina di atas kamu (sambil Kami berfirman): "Terimalah Taurat yang telah Kami berikan kepada kamu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh, dan ingatlah (jangan lupakan) apa yang tersebut di dalamnya, supaya kamu bertaqwa.” (Surah al-Baqarah: 63)

Wahbah al-Zuhaili (1991) menyebutkan *mufradat lughawiyyah* bagi kalimah **مِيثَاقَكُمْ** ialah janji yang dikuatkan.

Janji yang dimaksudkan pada ayat ini adalah janji untuk mengamalkan isi kitab Taurat. Kalimah **مِيثَاقَكُمْ** menunjukkan bahawa perjanjian ini merupakan sebuah perjanjian yang kuat dan kukuh sehingga mereka (bani Israel) terikat dengan akad perjanjian sebagaimana pada ayat tersebut.

Manakala, Imam Jalaluddin Al-Suyuti (2008) menyatakan bahawa kalimah **مِيثَاقَكُمْ** pada ayat ini merupakan sebuah ikrar yang berlaku antara bani Israel dengan Allah SWT dalam melaksanakan ajaran-ajaran yang terkandung dalam kitab Taurat.

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji mendapati bahawa penggunaan kalimah **الميثاق** adalah terhadap perjanjian-perjanjian yang diikat dengan kuat dan teguh serta ia lebih kuat dengan adanya saksi perjanjian. Sebagaimana perjanjian Allah SWT dengan bani Israel agar mereka mentaati segala bentuk undang-undang dan peraturan-peraturan kehidupan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dalam kitab Taurat.

Yasardin (2018) menyatakan bahawa kalimah **الميثاق** bererti sebuah perjanjian yang disertakan dengan kebulatan tekad yang kuat dan kegigihan pihak yang terlibat dalam menyempurnakan kewajipan akad perjanjian yang telah diikat. Perjanjian yang digelar dengan **الميثاق** berada pada darjat yang lebih tinggi berbanding akad perjanjian yang lain.

Seterusnya erti kalimah **عهد** adalah sebagaimana perjanjian antara seseorang dengan seseorang yang lain. Misalnya: Aku ikatkan padanya perjanjian serta mewasiatkannya agar menjaganya (Ibrahim Madkur, 1994). Seterusnya, kalimah **العهد** bermaksud menjaga serta mengurus sesuatu dalam segenap keadaan dan perjanjian disebutkan dengan **العهد** kerana ia merupakan perkara yang perlu dijaga dan diperhatikan (Al-Asfahani, 2017).



Berikut merupakan ayat yang membicarakan berkaitan orang-orang yang melanggar perjanjian dengan Allah SWT iaitu orang-orang yang fasik yang bermaksud:

الَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَٰئِكَ هُمُ
الْخٰسِرُونَ

Maksudnya: “(Iaitu) orang-orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya, dan memutuskan perkara yang disuruh Allah supaya diperhubungkan, dan mereka pula membuat kerosakan dan bencana di muka bumi. Mereka itu ialah orang-orang yang (Surah al-Baqarah: 27) sungguh rugi.”

Berdasarkan ayat di atas, Wahbah al-Zuhaili (1991) menjelaskan bahawa perjanjian yang disebutkan pada ayat ini merupakan perjanjian fitrah atau juga dikenali dengan janji Allah iaitu berkisarkan tentang sesuatu yang tertanam dalam hati, perasaan dan akal manusia akan keesaan Allah SWT. Disebutkan kalimah *عَهْدَ* pada ayat ini menunjukkan bahawa perjanjian tersebut merupakan perjanjian yang teguh pada asalnya namun ia telah dilanggar oleh orang-orang fasik setelah Allah SWT memerintahkan dan mewasiatkannya kepada mereka.

Manakala menurut Abdullah bin Muhammad (2004) perjanjian yang dinyatakan pada ayat ini merupakan perjanjian berbentuk perintah dan wasiat daripada Allah SWT agar sentiasa mentaatinya berpandukan kitabNya dan rasulNya. Namun, perjanjian tersebut dilanggar oleh orang-orang fasik yang menandakan ianya merupakan sebuah pengabaian terhadap perintah Allah SWT.

Justeru berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji mendapati bahawa kalimah *عَهْدَ* digunakan terhadap perjanjian yang melibatkan niat dalam hati serta diwasiatkan agar menjaganya. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Al-Maraghi (1992) *العهد* bermaksud wasiat kerana wasiat merupakan sesuatu yang diadakan dan dipesankan. Seperti seseorang yang berkata “aku pesankan padanya untuk mengerjakannya dan menjaganya.” Justeru dalam keadaan ini berkemungkinan ianya berlaku di antara kedua belah pihak yang saling berjanji namun adakalanya ia berlaku pada satu pihak sahaja.

4.4 Kalimah *صراط* Dan *سبيل* Dengan Makna Jalan

Definisi kalimah *الصراط* menurut Ahmad Warson Munawwir (1997) asal kalimah *الصراط* ialah (ص-ر-ط) yang bererti jalan atau lorong. Selain itu, menurut Shihab (2002) kalimah *الصراط* bermaksud jambatan yang dibentangkan di atas neraka jahanam yang dilalui oleh manusia dalam perjalanan menuju ke syurga Allah SWT.

Berikut dipaparkan sepotong ayat berkaitan perintah pengalihan kiblat oleh Allah SWT. Kemudian Allah SWT menyatakan bahawa orang-orang yang lemah akal serta iman dari kalangan yahudi, musyrikin dan munafiqin akan bertanya apakah yang membuatkan umat Islam berpaling arah kiblat sebagai ungkapan celaan dan keraguan mereka. Maka Allah menyatakan bahawa semua arah adalah milikNya dan Dia membimbing sesiapa yang dikehendaki ke jalan yang lurus yang memberikan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

سَيَسْأَلُ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا وَلَّيْتَهُمْ عَنِ قِبَلَتِهِمْ الَّتِي كَانُوا عَلَيْهَا قُلْ لِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى
صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ



Maksudnya: “Orang-orang bodoh (yang kurang akal pertimbangannya) akan berkata: "Apa sebabnya yang menjadikan orang-orang Islam berpaling dari kiblat yang mereka mengadapnya selama ini?" Katakanlah (wahai Muhammad): "Timur dan barat adalah kepunyaan Allah - (maka ke pihak mana sahaja kita diarahkan Allah mengadapnya, wajiblah kita mematuhiNya); Allah yang memberikan petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus.”

(Surah al-Baqarah: 142)

Menurut Wahbah al-Zuhaili (1991) *mufradat lughawiyyah* bagi kalimah الصراط ialah jalan. Pada ayat ini Allah SWT menggunakan kalimah الصراط untuk menyatakan bahawa Dia akan memberikan petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus iaitu yang mengantarkan kepada kebahagiaan di dunia dan akhirat. Petunjuk yang diberikan oleh Allah SWT merupakan sebuah bentuk bimbingan kepada sesiapa yang dikehendakiNya untuk melalui jalan lurus yang membawa kepada kebahagiaan.

Manakala Sayyid Qutb (1992) pula menghuraikan bahawa penentuan hala tuju arah kiblat pada tempat-tempat tertentu tiada nilainya, malah yang menjadikan hala tuju arah kiblat itu bernilai apabila ia dipilih dan di arah oleh Allah SWT. Justeru, pemilihan arah kiblat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada hamba-hambaNya merupakan asbab mereka dapat berjalan menuju kepada jalan yang lurus iaitu صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

Justeru, berdasarkan penelitian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati kalimah الصراط bermaksud jalan menuju hidayah yang lebih cerah dan luas serta dapat diketahui apa yang ada di sepanjang perjalanan tersebut. Menurut Daraini (2018) kalimah الصراط bermaksud suatu jalan yang besar dan ia dilalui oleh orang-orang yang berjalan. Ia juga bermaksud jalan yang utama berbanding kalimah السبيل dan الطريق yang merupakan jalan yang lebih kecil daripada الصراط.

Seterusnya maksud kalimah السبيل menurut Ibn Faris (1979) berasal dari huruf (س - ب - ل) kata kerjanya ialah (إرسال شيء من علو إلى سفلى على إمتداد شيء) bermakna (سبيل - يسبيل) bermakna sesuatu dari atas ke bawah serta merentangkan ia. Maksud kalimah السبيل ialah الطريق dan apa yang jelas daripadanya (Ibrahim Madkur, 1994).

Sebagaimana ayat 218 pada surah al-Baqarah yang berkisarkan tentang peperangan:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَؤَلِيكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah dan berjihad di jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang.”

(Surah al-Baqarah: 218)

Mufradat lughawiyyah bagi potongan ayat فِي سَبِيلِ اللَّهِ menurut Wahbah al-Zuhaili (1991) adalah berjuang pada jalan Allah untuk meninggikan agamaNya. Kitab ini menghuraikan bahawa orang-orang yang berjihad pada jalan Allah



merupakan orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasulNya. Mereka sanggup berhijrah dan berpisah dengan keluarga dan kampung halaman kerana enggan berada satu negeri dengan orang-orang musyrik serta kekuasaan mereka. Mereka melakukannya untuk memperjuangkan agama Allah SWT serta mengharapkan rahmat daripada Allah SWT.

Selain itu, Sayyid Qutb (1992) pula menjelaskan bahawa Allah SWT sentiasa menyediakan rahmat bagi orang-orang yang ditindas kerana agama Allah SWT serta terhadap orang-orang mukmin yang hatinya penuh keimanan terhadap Allah SWT dan mereka tidak akan sekali-kali dikecewakan oleh Allah SWT. Orang-orang mukmin yang ikhlas kepada Allah serta sanggup berhijrah meninggalkan Mekah mereka berjihad pada jalan Allah sehingga Allah menjanjikan kemenangan dan penghormatan mati syahid. Mereka mendapatkan kebaikan, rahmat dan keampunan daripada Allah SWT.

Justeru, pengkaji merumuskan kalimah السبيل pada ayat ini digunakan menunjukkan bahawa terdapat pelbagai jalan-jalan kebaikan menuju Allah SWT antaranya adalah seperti jalan jihad. Sebagaimana yang dinyatakan oleh (Yasir, 2017) erti kalimah السبيل ialah jalan sebagaimana sifatnya yang terurai menunjukkan ianya adalah jalan-jalan yang kecil.

5.0 RUMUSAN

Berikut merupakan jadual 1 berkaitan rumusan perbincangan makna kalimah-kalimah *mutarādif* yang terdapat dalam surah al-Baqarah:

Jadual 1: Rumusan Makna Kalimah *Mutarādif*

Bil	Maksud	Kalimah	Penerangan
1	Kesempurnaan	تم	Satu bahagian bergabung dengan bahagian-bahagian lain yang telah sedia ada maka ia akan menghasilkan satu bentuk yang sepatutnya (sempurna) seperti mana yang diinginkan.
		كاملة	Sesuatu keadaan, sifat atau hal yang memberikan hasil terhadap keadaan sebelumnya yang telah sempurna.
2	Datang	يأتي	Datang dalam keadaan yang mudah (datang kepadanya sesuatu sama ada secara fizikal atau terdapat pengaturan dan perintah bersamanya).
		جاء	Datang dalam keadaan yang sukar (datang dengan membawa bersamanya sesuatu yang menyebabkan kesukaran).
3	Perjanjian	ميثاق	Perjanjian yang diikat kukuh disertai dengan kesungguhan dan tekad. Ia juga merupakan darjat perjanjian yang paling tinggi.
		عهد	Perjanjian yang diadakan kemudian perlu diurus dan dijaga seperti wasiat.
4	Jalan	صراط	Jalan besar atau jalan utama yang diketahui apa yang ada disepanjang jalan.



6.0 PENUTUP

Penelusuran ke atas setiap ayat al-Quran dapat mendorong minda seseorang individu untuk memikirkan segala ilmu yang terkandung dalam al-Quran. Demikian juga proses inilah yang membawa kepada perbincangan lafaz-lafaz *mutarādif* yang terdapat dalam al-Quran. Setelah menjalankan penelitian terhadap beberapa kalimah *mutarādif* yang terkandung dalam surah al-Baqarah, didapati bahawa setiap kalimah yang mempunyai terjemahan yang sama sebenarnya ia mempunyai spesifikasi maknanya yang tersendiri. Ini menunjukkan bahawa setiap kalimah tersebut tidak dapat digantikan dengan kalimah yang lain. Justeru, perbincangan ini dapat membuka minda untuk melihat bahawa sesungguhnya bahasa al-Quran itu adalah sangat mendalam maknanya. Di samping itu, proses memahami setiap kalimah *mutarādif* ini dapat mencetuskan rasa dangkal terhadap ilmu yang dimiliki. Walaubagaimanapun, pembahasan tentang kalimah-kalimah *mutarādif* ini hanyalah sebahagian kecil sahaja daripada ilmu-ilmu yang terkandung dalam al-Quran namun ianya memberikan impak yang sangat besar terhadap proses pemahaman ayat al-Quran.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama Dr Rohana binti Zakaria yang sentiasa memberikan tunjuk ajar, cadangan serta bimbingan dalam menjayakan kajian ini. Selain itu, jutaan terima kasih juga kepada pihak Universiti Islam Selangor atas peluang yang diberikan untuk menimba pengetahuan yang amat berharga dalam bidang penyelidikan.

RUJUKAN

- Adriani. (2019). *Bentuk Penciptaan Manusia Dari Tanah Menurut Al-Quran (Kajian Mutaradif Ayat)*. Tarbiyah: Jurnal Ilmiah Pendidikan Agama Islam Vol 9. No 2.
- Ahmad, F. (2015). Kaedah Mutaradif Al-Alfaz Dalam Al-Quran. *Mutawatir: Jurnal Keilmuan Tafsir Hadis*.
- Ahmad, W. M. (1997). *Kamus Al-Munawwir*. Surabaya: Pustaka Progressif.
- Al-Akk, A. R. (1994). *Usul Al-Tafsir Wa Qawa'iduh*. Dar Al-Nafa'is.
- Alamuddin, S. (2017). Lafaz-Lafaz Yang Bermakna Keburukan Dalam Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Lafaz *Al-Syarr, Al-Fahsyah* Dan *Al-Su'*. *Program Studi Ilmu Al-Quran Dan Tafsir Fakultas Usuluddin Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta*.
- Al-Asfahani, A.-R. (1961). *Al-Mufradat Fi Gharib Al-Quran*. Mesir: Mustafa Al-Bab Al-Halabi.
- Al-Asfahani, A.-R. (2017). *Al-Mufradat Fi Gharib Al-Quran*. Mesir: Dar Ibnul Jauzi.
- Al-Asmar, A.-T. &. (1993). *Al-Mu'jam Al-Mufashshal Fi 'Ulum Al-Lughah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Jurjani. (2009). *Kitab Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Mahalli, I. J. & Al-Suyuti, I. J. 2008. *Tafsir Jalalain*. Sinar Baru Algensido.
- Al-Maraghi. (1992). *Terjemah Tafsir Al-Maraghi*. Semarang: Thoha Putra Semarang.



- Al-Qattan. (2000). *Mabahits Fi 'Ulum Al-Quran*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Anis, I. (1965). *Al-Lahajat Al-'Arabiyyah*. Maktabah Al-Anjalu.
- Daraini, A. F. (2018). *Tafsir Ayat Shirath, Sabil, Thariq Dan Salkan Dalam Al-Quran (Studi Analisis Tafsir Al-Qurthubi)*. Universiti Sumatera Utara Medan: Fakultas Usuludin Dan Studi Islam.
- Faris, I. (1979). *Mu'jam Maqayis Al-Lughah*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Madkur, I. (1994). *Mu'jam Al-Wajiz*. Republik Arab Mesir: Edisi Khas Kementerian Pendidikan.
- Manzur, I. (1993). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Lisan al-'Arab.
- Muhammad, A. 2004. Terjemahan Tafsir Ibnu Katsir. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i
- Qutb, S. (1992). *Fi Zilal Al-Quran*. Al-Qaherah: Dar Al-Syuruq.
- Shihab, M. Q. (2002). *Tafsir Al-Misbah*. Lentera Hati.
- Shihab, M. Q. (2007). *Ensiklopedia Al-Quran: Kajian Kosakata, Jil 1*. Jakarta: Lentera Hati.
- Syarif, M. 2021. *Al-Tarāduf (Sinonim) Dan Kaidah Penerapannya Dalam Al-Quran*. Universiti Islam Negeri (UIN) Datokarama Palu. Rausyan Fikr: Vol. 17 No. 2: 179-201.
- Wafi, A. A.-W. (1945). *Fiqh Al-Lughah*. Mesir: Dar Al-Nahdhah.
- Wahbah. (1991). *Al-Tafsir Al-Munir*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Yasardin. (2018). *Asas Kebebasan Berkontrak Syariah*. Jakarta: h. 2.
- Yasir, A. (2017). *Makna Kata Sirat, Sabil Dan Tariq Dalam Al-Quran (Studi Komparasi Tafsir Al-Azhar Dan Tafsir Al-Misbah)*. Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta: Program Studi Ilmu Al-Quran Dan Tafsir Fakultas Usuludin.

Laman sesawang:

<https://albayanalqurany.com>